

Nazri jamin tiada usul undi tidak percaya terhadap PM

MM 22/6/08 M/S 1

KUALA KANGSAR 21 Jun - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz memberi jaminan tidak akan ada usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Parlimen, Isnin ini.

Menurut beliau, sehingga petang semalam, pejabat Yang Dipertua Dewan Rakyat masih belum menerima sebarang notis daripada Parti Maju Sabah (SAPP) berhubung perkara tersebut.

● Lagi berita di muka 4

Kata beliau, apa-apa usul tergempar seperti itu mesti dimaklumkan sehari lebih awal kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1).

"Saya sentiasa pantau isu ini dengan pejabat Speaker dan sehingga semalam, tidak ada pun notis usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri.

"Jadi, saya beri jaminan tidak ada

usul secara konstruktif untuk mengadakan undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Mesra Klinik Kesihatan Padang Rengas dekat sini hari ini.

Rabu lepas, Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee mengisytiharkan parti itu hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Abdullah dan wakil rakyat SAPP bersedia menyokong sebarang usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri di Dewan Rakyat.

SAPP mempunyai dua wakil di Dewan Rakyat iaitu Datuk Dr. Chua Soon Bui (Tawau) dan Datuk Eric Majimbun (Sepangar) yang menang atas tiket Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya, 8 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Nazri berkata, apa yang jelas, usul tergempar yang akan dikemukakan di Parlimen pada Isnin ini adalah mengenai kenaikan harga barang.

● Lihat muka 2



NAZRI AZIZ